



**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN REKA CIPTA E-POSTER
BULAN FARAID NEGERI SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR TAHUN 2021**

1. PENYERTAAN

1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua termasuk:

- a. Masyarakat awam warganegara MALAYSIA dan beragama Islam;
- b. Pelajar-pelajar Sekolah Menengah dan pelajar-pelajar IPT;
- c. Warga kerja Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), warga kerja Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor (JHEIS) dan warga kerja anak-anak syarikat MAIS; dan
- d. Warga kerja jabatan-jabatan kerajaan dan swasta seluruh Malaysia.

2. FORMAT PERTANDINGAN

2.1 Setiap penyertaan mestilah menepati **Tema** Bulan Faraid Negeri Selangor iaitu “Faraid Dipelihara Waris Bahagia”.

2.2 Peserta perlu memilih salah satu daripada 10 ayat di bawah sebagai tajuk e-poster;

2.2.1 Jom Celik Ilmu Pewarisan & Baitulmal.

2.2.2 Faraid Penghubung Silaturrahim.

2.2.3 Rancanglah Harta Anda.

2.2.4 Jadilah Pemilik Harta Yang Bertanggungjawab.

2.2.5 Fahami & Kenali Waris Faraid Anda.

2.2.6 Hak Wanita Dalam Faraid.

2.2.7 Harta Berkat Bermula Daripada Diri Sendiri.

2.2.8 Adakah Anda Tahu Urus Harta Jika Kematian Ahli Keluarga?

2.2.9 Jangan Putus Saudara Kerana Harta.

2.2.10 Lambat Urus Pusaka, Waris Faraid Bertambah.

- 2.3 **Elemen wajib dimasukkan di dalam e-poster adalah Tajuk yang dipilih dan Logo E-Faraid MAIS.**
- 2.4 Penyertaan e-poster perlu disertakan Tajuk E-Poster, Nama individu, Nama kumpulan dan ahlinya.
- 2.5 Penyertaan adalah dibenarkan dalam Bahasa Malaysia sahaja.
- 2.6 Peserta boleh menambah teks atau gambar mengikut kesesuaian.

3. SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan bermula pada 12 Julai 2021 sehingga 30 Julai 2021.
- 3.2 Penyertaan boleh dikemukakan secara individu atau kumpulan.
- 3.3 E-Poster yang dihasilkan dalam **saiz 1080 pixel x 1080 pixel.**
- 3.4 Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan, tetapi setiap peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- 3.5 Setiap e-poster adalah merupakan hasil karya sendiri.
- 3.6 Karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan. Sekiranya didapati e-poster yang dihantar bukan karya asli, maka penyertaan peserta akan dibatalkan serta-merta.
- 3.7 Setiap hasil karya juga mestilah tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan e-poster.
- 3.8 E-Poster yang dihasilkan hendaklah tidak mempunyai elemen perkauman, politik, elemen percanggahan akidah seperti unsur LGBT, liberalisme dan animisme serta tidak mempunyai elemen permusuhan atau kebencian bangsa dan agama.
- 3.9 Peserta mestilah menggunakan peralatan sendiri sama ada menggunakan telefon pintar atau komputer riba untuk menghasilkan e-poster atau unsur-unsur lain berdasarkan kreativiti masing-masing adalah dibenarkan.
- 3.10 Kos penyertaan pertandingan ditanggung oleh peserta sepenuhnya.
- 3.11 Format e-poster yang ditetapkan adalah jpeg dan png sahaja.
- 3.12 Setiap penyertaan hendaklah dimuatnaik di Facebook atau Instagram peserta dengan kapsyen #pertandinganposterMAIS dan hantarkan borang lengkap penyertaan dengan pautan di Facebook atau Instagram serta salinan setiap e-poster yang dihasilkan ke alamat email pro@mais.gov.my.

4. KRITERIA PENGHAKIMAN

- 4.1 Keseluruhan e-poster yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan yang berikut:

Perkara	Pemarkahan
Idea	40 markah
Kreativiti	40 markah
Kesesuaian dengan tema	20 markah
JUMLAH KESELURUHAN	100 Markah

- 4.2 Semua keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 4.3 Semua e-poster penyertaan yang diterima oleh pihak Urus setia menjadi hakmilik MAIS dan MAIS boleh menggunakan e-poster penyertaan tersebut untuk apa-apa tujuan.

5. SENARAI HADIAH PEMENANG

- 5.1 Seramai 3 pemenang yang dipilih akan menerima pengiktirafan seperti berikut:
Wang Tunai RM200.00 dan Sijil Penghargaan setiap seorang.

6. PENOLAKAN PENYERTAAN

- 6.1 Urus setia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan; dan
- 6.2 Urus setia juga berhak mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari semasa ke semasa.

7. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

- 7.1 Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus setia selewat-lewatnya pada 30 Julai 2021 sebelum jam 5.30 petang.
- 7.2 Penyertaan yang diterima selepas tarikh penutupan akan ditolak.

8. PERTANYAAN

8.1 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

**Urus setia Pertandingan Reka Cipta E-Poster Bulan Faraid Negeri Selangor
2021**

Bahagian Komunikasi Korporat

Tingkat 10, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

40000, Shah Alam, Selangor

Tel : Ustaz Izhar : 019-284 1276

En. Norzaili : 017-380 4514

E-mel : pro@mais.gov.my

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN REKA CIPTA E-POSTER
BULAN FARAID NEGERI SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR TAHUN 2021**

1. Nama Individu :

2. No. Telefon :

3. Nama Kumpulan (jika penyertaan berkumpulan):

4. Nama Ketua Kumpulan :

5. Nama Ahli :

1.

2.

3.

4.

6. Tajuk E-Poster :

7. Pautan E-Poster Di Facebook & Instagram :

8. Sinopsis mengenai e-poster yang dihasilkan (30 patah perkataan)

.....
.....
.....
.....
.....

Tandatangan :

Tarikh :

.....
()